

UMS jalin kerjasama dengan IBFIM

► Untuk penyelidikan, perundingan dan pembangunan kakitangan

UB 28.6.2019 B3

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalinkan kerjasama dengan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang diadakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Rabu.

UMS diwakili Naib Canselor Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin manakala Ketua Pegawai Eksekutif IBFIM Yusry Yusoff mewakili IBFIM.

MoU itu disaksikan Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik bersama Head Instructional Design & Partnership IBFIM Shahrizan Md Noh dan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Zaiton Osman.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Prof Dr Rasid Mail (Akademik dan Antarabangsa), Prof Madya Dr Ramzah Dambul (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof Dr Ismail Ali (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Menurut Kamarudin, MoU itu bertujuan bekerjasama dengan IBFIM bagi kursus yang ditawarkan oleh IBFIM dengan kursus Program Kewangan Islam yang sedia ada yang ditawarkan oleh FKAL.

Katanya, kedua-dua pihak akan bekerjasama untuk mengadakan seminar, persidangan, bengkel, penerbitan bersama dan forum awam untuk kepentingan masyarakat.

“Kedua-dua pihak akan memulakan program penem-

patan untuk penyelidikan, perundingan dan pembangunan kakitangan.

“Kedua-dua pihak akan menyokong inisiatif penyelidikan baharu yang berkaitan kewangan Islam,” katanya berucap pada majlis itu.

Pada masa sama, Kamarudin berkata IBFIM menawarkan peluang penerbitan baharu dengan menyediakan sokon-

gan kepada pensyarah di UMS untuk menerbitkan karya mereka yang berkaitan Islam dan kewangan Islam.

“IBFIM akan cuba sedaya upaya untuk menyediakan penajaan kewangan untuk menyokong sebarang aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh UMS apabila diperlukan (jika ada),” katanya.

“IBFIM akan cuba sedaya upaya untuk menyediakan penajaan kewangan untuk menyokong sebarang aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh UMS apabila diperlukan (jika ada). ”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor UMS



KAMARUDIN (dua kiri) dan Yusry bertukar-tukar dokumen MoU antara UMS dan IBFIM sambil diperhatikan Murnizam (tengah), Shahrizan (kanan) dan Zaiton.